

24 AUG 2003

Snap-BN/I

SNAP SUDAH HANTAR PERMOHONAN SERTAI SEMULA BN, PRESIDEN SNAP

KUCHING, 24 Ogos (Bernama) -- Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) sudah menghantar permohonan untuk menyertai semula Barisan Nasional (BN) kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN.

Presiden Snap Edwin Dundang berkata surat permohonan itu dihantar kepada Dr Mahathir sehari selepas pertemuan dengan Perdana Menteri.

"Ia dilakukan mengikut nasihat Perdana Menteri ketika saya mengetuai perwakilan parti bertemu beliau di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya pada 9 Julai, 2003," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Edwin menggesa anggota Snap "bersabar dan percaya kepada para pemimpin mereka".

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik setiausaha agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat sebagai berkata bahawa walaupun berjaya mendapatkan perintah sementara bagi menghentikan proses pembatalan pendaftaran parti itu oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS), Snap perlu memohon jika ingin menyertai semula BN.

ROS membatalkan pendaftaran Snap pada November lepas berikutan krisis kepimpinan dalam parti itu sehingga satu kumpulan anggota Snap menubuhkan parti baru - Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP), yang telah diterima sebagai anggota komponen BN.

SPDP dipimpin oleh bekas naib presiden Snap Datuk William Mawan yang juga Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam negeri.

Edwin menyifatkan pertemuan mereka dengan Dr Mahathir bulan lepas "sangat positif" dan menambah parti itu akan terus berada dalam BN kecuali dipaksa berada di luar.

Edwin berkata pemimpin parti itu gembira dengan pengumuman Mohamed bahawa permohonan Snap itu merupakan antara agenda yang akan dibincangkan pada mesyuarat majlis tertinggi BN akan datang.

Dua isu lain yang dijangka dibincangkan pada mesyuarat itu ialah krisis Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan dua anggota dewan undangan negeri Pulau Pinang.

Timbalan presiden Snap Datuk Justine Jinggut yang turut dihubungi Bernama berkata: "Sehingga majlis tertinggi BN bermesyuarat bulan depan, kita jangan buat sebarang kesimpulan. Biar BN buat keputusan."

Beliau berkata kes Snap tidak boleh disamakan dengan Umno yang pendaftarannya dibatalkan pada 1987.

"Dalam kes Snap, Mahkamah Rayuan membenarkan penangguhan, sementara mendengar permohonan pemimpin parti itu bagi semakan kehakiman terhadap keputusan ROS," katanya.

-- BERNAMA

SCC HS LAT